

Afidavit PM dakwa tindakan Anwar berniat buruk

UM - 6 APR 2000

Oleh KAMARIAHAHMAD

KUALA LUMPUR 5 April — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyatakan tindakan untuk memanggil beliau sebagai saksi pembela dalam perbicaraan kes liwat Datuk Seri Anwar Ibrahim adalah berniat buruk dan sewenang-wenangnya menyalah guna proses mahkamah.

Menurut Perdana Menteri, ia bukan satu usaha yang jujur (bona fide) untuk mengemukakan keterangan relevan atau perkara penting yang boleh membantu mahkamah.

Oleh itu, kata Dr. Mahathir, mahkamah harus membatalkan sapina terhadapnya.

Dr. Mahathir menjelaskan demikian dalam kandungan afidavit jawapannya yang difailkan dan diserahkan kepada bekas Timbalan Perdana Menteri itu semalam.

Anwar dan adik angkatnya, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja telah memohon sapina untuk memanggil Dr. Mahathir memberi keterangan pada perbicaraan mereka yang menghadapi tuduhan meliwat Azizan Abu Bakar.

Perbicaraan terhadap kedua-duanya kini pada peringkat mengemukakan keterangan pembelaan.

Hakim Datuk Ariffin Jaka yang mengendalikan perbicaraan itu telah mengarahkan Anwar membuat afidavit alasan bagi menentukan sama ada relevan untuk memanggil Dr. Mahathir memberikan keterangan.

Dr. Mahathir telah mengikrarkan afidavit jawapannya kira-kira pukul 2 petang kelmarin untuk menjawab afidavit Anwar yang diserahkan kepada beliau pada 31 Mac lalu.

balam afidavit itu, Dr. Mahathir menjelaskan beliau telah membuat beberapa kenyataan sebelum mendapat bukti yang jelas mengenai dakwaan salah laku seks luar tabii Anwar.

Dr. Mahathir berkata: "Sesungguhnya saya membuat kenyataan itu semata-mata kerana saya mempunyai penuh kepercayaan kepada Anwar yang saya percaya adalah seorang yang warak dan berpegang teguh kepada ajaran Islam.

"Tuduhan yang dibuat terhadap Anwar di waktu itu amat bertentangan dengan imej yang telah dipertunjukkan olehnya semasa saya mengenalinya.

"Tetapi hasil penyiasatan polis dan pengakuan yang dibuat oleh mereka yang terlibat kemudiannya menyakinkan saya bahawa tuduhan-tuduhan salah laku seks terhadap Anwar adalah benar dan saya tersilap besar berkenaan Anwar dan membuat kenyataan media itu semata-mata berasaskan kepada persepsi saya terhadapnya pada waktu itu."

Mencabar

Merujuk satu daripada perenggan dalam afidavit Anwar, Dr. Mahathir mengatakan walaupun ramai yang memberitahu beliau bahawa Anwar akan mencabarnya sebagai Presiden UMNO pada 1999, namun beliau tidak gentar dan gelisah.

Dr. Mahathir berkata, sesungguhnya jika Anwar mencabar beliau, beliau yakin UMNO akan menolaknya.

Oleh itu, jelasnya, tidak ada sebab kenapa beliau harus takut akan kemungkinan dicabar oleh Anwar dan dengan itu menukar sikap kepadanya.

Dalam afidavit jawa-

pannya, Perdana Menteri memberitahu yang menyebabkan sikapnya berubah terhadap Anwar bukan kerana beliau marah kepadanya.

Dr. Mahathir memberitahu ia berasaskan penyiasatan polis yang disampaikan kepada beliau berkaitan dengan buku, 50 *Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM* dan pengakuan Azizan kepada beliau.

Dr. Mahathir menafikan dakwaan kononnya beliau terlibat dengan konspirasi untuk menjatuhkan Anwar.

Bermoral

Namun Dr. Mahathir menegaskan bahawa sesungguhnya beliau tidak boleh membenarkan orang yang didakwa tidak bermoral seperti itu menjadi Timbalan Perdana Menteri dan bakal pengganti beliau sebagai Perdana Menteri dan juga tidak layak menjadi Timbalan Presiden UMNO bahkan ahli UMNO.

Sementara itu, Anwar memfailkan afidavit tambahan untuk membalas afidavit jawapan Dr. Mahathir dan menyerahkan salinannya kepada pihak pendakwa pagi ini.

Afidavit yang mengandungi 38 alasan itu antara lain menyebut bahawa dokumen jawapan Dr. Mahathir sendiri membuktikan tanpa sebarang keraguan akan betapa relevannya keterangan beliau pada perbicaraan terhadapnya.

Anwar memohon dibenarkan mengemukakan pembelaan dengan memanggil Dr. Mahathir datang ke mahkamah untuk memberikan keterangan tanpa sebarang kelengahan lagi.